

Penyelidikan UMS-UTM hasilkan Rumah Komuniti

NST 6.12.2017 2

TAWAU: Penyelidikan bersama Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) berjaya menghasilkan Rumah Komuniti yang dibina di Tawau menggunakan 'Interlocking Brick Construction (IBC) System' dengan peruntukan geran penyelidikan Translational Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) bernilai RM1 juta.

Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. D Kamarudin D Mudin berkata, projek Rumah Komuniti Parlimen Tawau yang turut melibatkan Kolej Vokasional dan Kolej Komuniti Tawau diinspirasi oleh Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Dr. Mary Yap Kain Ching. Pembinaan telah dimulakan pada pertengahan September 2017, dan siap sepenuhnya dengan dilengkapi kemudahan asas seperti air dan elektrik pada awal November.

"Rumah Komuniti Parlimen Tawau berkeluasan 650 kaki persegi ini dibina dan dilengkapi dengan ruang tamu, dapur, tiga bilik serta kemudahan bilik air.

"Berbanding dengan sistem pembinaan konvensional, kecepatan pembinaan rumah ini agak mengagumkan kerana menggunakan Sistem IBC yang mana teknik penyusunannya agak mudah, malah kos pembinaan adalah 20 peratus lebih murah dan dalam masa yang sama, penggunaan tanpa acuan (formwork) dan teknik kerja-kerja melepai (plastering) memudahkan proses pembinaan rumah komuniti ini," katanya.

Beliau menambah, selaras dengan teknologi hijau yang mendukung kelestarian alam

sekitar, Fakulti Kejuruteraan (FKJ), UMS turut menjalankan penyelidikan terhadap penggunaan abu pembakaran kelapa sawit (POFA), dan habuk kuari sebagai bahan campuran selain dari simen, pasir dan tanah liat pada bata 'Interlocking Brick System (IBS)'.


"POFA dan habuk kuari merupakan bahan buangan yang berpotensi tinggi untuk dikitar semula sebagai bahan tambah (additive). Inovasi ini akan menumpukan penghasilan batu bata IBS lebih murah di samping mempertingkatkan teknik pembinaan supaya lebih efisien.

"UMS berpeluang merealisasikan penyelidikan ini melalui kilang mesin pembuatan batu-bata yang telah diperuntukkan di bawah 'Translational Research Program' yang kini ditempatkan di kampus UMS, Kota Kinabalu," kata Datuk D Kamarudin.

Beliau turut berharap agar projek komuniti tersebut dapat memberikan impak positif terhadap pembinaan kos rumah yang lebih mampan dan mendorong ekonomi dan kesejahteraan kekeluargaan melalui pembinaan rumah komuniti itu.

Sementara itu, Mary Yap yang juga Ahli Parlimen Tawau berkata, beberapa kriteria telah digariskan sebelum layak menerima rumah berkenaan.

"Kriteria yang diambil kira untuk layak menerima rumah ini ialah penduduk di kawasan saya tidak mempunyai rumah disebabkan latar belakang sosio ekonomi yang berpendapatan rendah, ibu tunggal, orang ke-



CEPAT SIAP... Rumah Komuniti yang dibina menggunakan 'Interlocking Brick Construction System'

lainan upaya (OKU), ketidakupayaan kerana sakit atau warga emas," katanya.

Pada majlis tersebut, Mary Yap turut menyempurnakan majlis penyerahan kunci rumah kepada keluarga Hashim Maidin yang merupakan penduduk di Jalan Bukit Quion, Tawau sebagai simbolik penerimaan rumah komuniti tersebut.

Hadir sama pada majlis itu, Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi UMS, Prof. Dr. Shahril Yusof; Dekan FKJ, Prof. Ir. Dr. Abdul Karim Mirasa; Pengarah Kanan, Fakulti Kejuruteraan Awam UTM, Prof. Ir. Dr. Mahmood Tahir; Pengarah Kolej Komuniti Tawau, Rashid Saad; dan Pengarah Kolej Vokasional Tawau, Ragiah Muthusamy.



RASMI...Mary Yap menandatangani plak perasmian Rumah Komuniti Parlimen Tawau.



SERAHKAN... Mary Yap menyerahkan replika kunci sebagai simbolik penyerahan Rumah Komuniti kepada Hashim Maidin.